

KERTAS PERINTAH 15 TAHUN 2024



MALAYSIA

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT/NEGARA MENURUT

PERINTAH

PENYATA DARIPADA KEMENTERIAN KEWANGAN MENGENAI ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2025

PENDAHULUAN

Penyata ini dikemukakan sebagai Kertas Perintah 15 Tahun 2024 bersama-sama dengan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2025 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2024. Ia menunjukkan ringkasan jumlah anggaran bagi Perbelanjaan Mengurus (Bekalan-B dan Tanggungan-T) dan Perbelanjaan Pembangunan (P) bagi tahun 2025. Kedua-dua anggaran tersebut ditunjukkan di bawah Maksud Perbelanjaan (B/P) yang sama bagi sesuatu Kementerian dan Jabatan.

JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2025

Anggaran Perbelanjaan Persekutuan yang dicadangkan bagi tahun 2025 adalah berjumlah **RM423.0 bilion**. Sejumlah **RM335.0 bilion** atau 79.2% adalah untuk **Perbelanjaan Mengurus** dan **RM88.0 bilion** atau 20.8% (termasuk RM2.0 bilion bagi

Simpanan Luar Jangka) adalah untuk **Perbelanjaan Pembangunan**. Anggaran perbelanjaan mengikut maksud-maksud perbelanjaan adalah seperti di **LAMPIRAN A** bagi Perbelanjaan Mengurus, **LAMPIRAN B** bagi Perbelanjaan Pembangunan dan **LAMPIRAN C** mengikut pengagihan sektor utama.

ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS

2. Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2025 adalah berjumlah RM335.0 bilion di mana sebanyak RM102.0 bilion atau 30.0% adalah untuk Perbelanjaan Tanggungan dan sebanyak RM233.0 bilion atau 70.0% adalah untuk Perbelanjaan Bekalan. Perbelanjaan Tanggungan seperti yang ditunjukkan di bawah Maksud “Tanggungan (T)” adalah merupakan perbelanjaan yang dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan atau Undang-undang Persekutuan lain yang berkuat kuasa dan ditunjukkan dalam anggaran di bawah Maksud T.1 hingga T.14. Peruntukan tersebut adalah termasuk RM54.7 bilion di bawah Maksud T.13 bagi Perbelanjaan Kerana Hutang Negara, RM39.0 bilion di bawah Maksud T.14 bagi Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran serta RM8.1 bilion di bawah Maksud T.12 termasuk Pemberian dan Serahan kepada Negeri-negeri berjumlah RM7.5 bilion. Butiran Perbelanjaan Bekalan seperti yang ditunjukkan di bawah Maksud “Bekalan (B)” adalah peruntukan bagi membiayai Perbelanjaan Mengurus termasuk pelaksanaan program dan aktiviti oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi di bawah Maksud B.1 hingga B.64.

3. Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2025 sebanyak RM335.0 bilion ini telah dikategori dan dikodkan di bawah Objek-objek Am mengikut Pekeliling Perbendaharaan PS 1.1 Penjenisan Kod Bagi Hasil dan Perbelanjaan seperti ditunjukkan dalam Jadual 1:-

JADUAL 1**ANGGARAN PERBELANJAAN MENGRUS 2025 MENGIKUT OBJEK AM**

Objek Am	Butiran	Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2025 (RM Juta)	Peratus Daripada Anggaran (%)
(1)	(2)	(3)	(4)
10000	Emolumen	105,917	31.6
20000	Perkhidmatan dan Bekalan	40,654	12.1
30000	Aset	1,182	0.4
40000	Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	186,351	55.6
50000	Perbelanjaan- perbelanjaan Lain	896	0.3
	JUMLAH	335,000	100.0

4. Penjelasan mengenai peruntukan yang disediakan untuk kementerian berdasarkan anggaran perbelanjaan terbesar adalah seperti berikut:-

i. **Kementerian Pendidikan**

Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Pendidikan berjumlah RM57,867 juta merupakan peruntukan terbesar iaitu 17.3% daripada Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2025. Sebahagian besar daripada peruntukan ini berjumlah RM46,712 juta iaitu 80.7% adalah diperuntukkan bagi bayaran emolumen. Dari segi program utama sebanyak RM21,154 juta disediakan bagi Program Pendidikan Rendah, RM19,815 juta bagi Program Pendidikan Menengah, RM1,086 juta bagi Program Pendidikan Awal (Prasekolah) dan RM398 juta bagi Pendidikan Lepas Menengah.

ii. **Kementerian Kewangan**

Anggaran Perbelanjaan Mengurus di bawah Kementerian Kewangan yang terdiri daripada Maksud B.10, B.11 dan B.12 adalah berjumlah RM56,282 juta iaitu 16.8% daripada Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2025. Peruntukan di bawah Maksud B.11 – Perkhidmatan Am Perbendaharaan menerima jumlah peruntukan kedua terbesar iaitu sebanyak RM49,867 juta. Peruntukan bagi Maksud B.11 ini antaranya adalah bagi menampung Subsidi dan Bantuan Tunai berjumlah RM34,005 juta, Subsidi Faedah Imbuhan Tabung Pinjaman berjumlah RM2,101 juta dan Pemberian Kemudahan Projek Khas berjumlah RM6,513 juta. Sebanyak RM4,515 juta diperuntukkan di bawah Maksud B.10 untuk membiayai keperluan Perbelanjaan Mengurus bagi Perbendaharaan termasuk Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Maksud B.12 – Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun diperuntukkan sebanyak RM1,900 juta. Peruntukan di bawah B.12 adalah termasuk untuk Kumpulan Wang Persaraan sebanyak RM500 juta.

iii. **Kementerian Kesihatan**

Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Kesihatan adalah sebanyak RM38,534 juta iaitu 11.5% daripada Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2025. Peruntukan ini termasuk RM24,118 juta bagi membiayai perbelanjaan emolumen dan RM13,356 juta bagi perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan seperti pembelian ubat, bahan pakai buang, penyelenggaraan dan pengoperasian fasiliti-fasiliti kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan.

iv. **Kementerian Dalam Negeri**

Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Dalam Negeri (KDN) adalah berjumlah RM15,528 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak RM9,406 juta disediakan bagi Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia sebanyak RM1,206 juta, Jabatan Penjara Malaysia sebanyak RM1,065 juta, Jabatan Pendaftaran Negara sebanyak RM436 juta, pengurusan KDN sebanyak RM423 juta dan Agensi Antidadah Kebangsaan sebanyak RM415 juta.

v. **Kementerian Pendidikan Tinggi**

Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Pendidikan Tinggi adalah berjumlah RM13,846 juta iaitu 4.1% daripada Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2025. Sebahagian besar daripada peruntukan ini yang berjumlah RM8,110 juta adalah untuk bayaran geran operasi universiti awam. Selain itu, RM1,959 juta disediakan bagi menampung keperluan hospital pengajar dan sebanyak RM1,520 juta diperuntukkan kepada politeknik serta kolej komuniti bagi pelaksanaan pendidikan, latihan teknikal dan vokasional (TVET).

vi. **Kementerian Pertahanan**

Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Pertahanan adalah berjumlah RM13,637 juta. Sebahagian besar daripada peruntukan ini iaitu RM8,773 juta atau 64.3% adalah untuk membiayai emolumen. Sebanyak RM6,228 juta disediakan bagi pertahanan darat, RM1,989 juta bagi pertahanan udara dan RM1,690 juta disediakan bagi pertahanan maritim. Manakala bakinya adalah untuk perolehan bekalan termasuk pakaian seragam, rangsum, sewaan, bahan api, serta menampung perbelanjaan kem, kuarters, peralatan-peralatan lain dan hal ehwal veteran.

vii. Jabatan Perdana Menteri

Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan agensi-agensi di bawahnya berjumlah RM5,266 juta. Antara peruntukan utama adalah sebanyak RM1,158 juta untuk Kemajuan Islam, Unit Penyelaras Pelaksanaan sebanyak RM794 juta, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan sebanyak RM601 juta, pentadbiran JPM sebanyak RM447 juta, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia sebanyak RM209 juta dan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang sebanyak RM190 juta.

viii. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan adalah berjumlah RM4,649 juta. Sebanyak RM2,601 juta diperuntukkan untuk Subsidi Padi dan Insentif Pesawah. Sebanyak RM931 juta disediakan sebagai pemberian kepada badan-badan berkanun di bawah Kementerian.

ix. Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah adalah berjumlah RM4,465 juta. Sebanyak RM877 juta diperuntukkan untuk pelbagai subsidi serta insentif termasuk RM248 juta bagi elaun Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung, RM264 juta disediakan bagi Bantuan Musim Tengkujuh dan sebanyak RM134 juta disediakan bagi peningkatan taraf hidup Orang Asli. Sebahagian besar daripada peruntukan ini juga disediakan bagi membiayai program di bawah Majlis Amanah Rakyat, Jabatan Kemajuan Masyarakat serta pelbagai program pembangunan komuniti dan ekonomi luar bandar.

x. **Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

Anggaran Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat adalah berjumlah RM3,424 juta. Peruntukan sebanyak RM2,389 juta disediakan untuk pelbagai bantuan seperti Bantuan Sosioekonomi Orang Kurang Upaya berjumlah RM1,119 juta, Bantuan Sosioekonomi Warga Emas berjumlah RM910 juta dan Bantuan Sosioekonomi Keluarga Miskin berjumlah RM360 juta.

5. Butir-butir terperinci mengenai cadangan peruntukan mengikut program dan aktiviti bagi setiap Maksud Perbelanjaan Mengurus adalah seperti dalam buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2025 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2024.

ANGGARAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

6. Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2025 seperti yang ditunjukkan di bawah Maksud “Pembangunan (P)” adalah berjumlah RM88.0 bilion. Jumlah ini adalah termasuk RM2.0 bilion bagi Simpanan Luar Jangka di bawah Maksud P.70. Sebanyak RM84.6 bilion diperuntukkan bagi perbelanjaan langsung manakala RM1.4 bilion adalah dalam bentuk pinjaman.

7. Pengagihan peruntukan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan mengikut sektor utama adalah seperti berikut:

i. **Sektor Ekonomi**

Peruntukan bagi **Sektor Ekonomi** adalah berjumlah RM39,976 juta iaitu 45.4% daripada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2025. Sebanyak

RM17,560 juta untuk pengangkutan, RM7,861 juta untuk kewangan, RM3,202 juta untuk alam sekitar, RM3,131 juta untuk perdagangan dan perindustrian, RM3,062 juta untuk pertanian, RM2,309 juta untuk tenaga dan kemudahan-kemudahan awam, RM1,023 juta untuk perhubungan, RM939 juta untuk penyelidikan dan pembangunan, RM735 juta untuk tenaga, RM96 juta untuk membiayai kajian kemungkinan dan RM58 juta untuk membiayai pembangunan sumber-sumber galian.

Sebanyak RM7,861 juta disediakan untuk **kewangan** bagi membiayai pelbagai suntikan modal. Selain itu, sebanyak RM17,560 juta disediakan untuk **pengangkutan**. Daripada jumlah ini, RM12,325 juta untuk melaksanakan projek-projek jalan raya dan jambatan, RM4,416 juta adalah untuk membiayai projek landasan kereta api dan kereta api transit laju, RM609 juta disediakan untuk projek penerbangan awam dan RM210 juta untuk projek-projek pelabuhan dan perkhidmatan laut.

Sebanyak RM3,202 juta disediakan untuk **alam sekitar**. Daripada jumlah ini, RM2,802 juta bagi pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar, RM393 juta adalah bagi pengawalan kualiti alam sekitar dan RM7 juta bagi pengkalan sumber perhutanan.

Sebanyak RM3,131 juta disediakan untuk **perdagangan dan perindustrian**. Daripada jumlah ini, RM1,924 juta adalah untuk pembangunan aktiviti perindustrian, RM410 juta adalah untuk pembangunan keusahawanan, RM240 juta untuk pembangunan sektor pelancongan, RM212 juta untuk

perusahaan kecil dan sederhana, RM195 juta untuk perdagangan, RM149 juta untuk pembangunan perniagaan dan RM1 juta untuk pemasaran.

Sebanyak RM3,062 juta disediakan untuk **pertanian**. Daripada jumlah ini, sebanyak RM2,434 juta adalah untuk membiayai pelbagai program dan projek pertanian, RM263 juta untuk program-program perikanan, RM132 juta untuk ternakan, RM122 juta untuk membiayai program khidmat sokongan, RM88 juta untuk pembangunan tanah dan wilayah serta perhutanan, RM23 juta untuk agropelancongan.

Sebanyak RM2,309 juta disediakan untuk **tenaga dan kemudahan awam**. Daripada jumlah ini, RM1,941 juta adalah untuk bekalan air dan elektrik, RM368 juta untuk perkhidmatan pembedung serta rancangan saliran dan perparitan bandar.

Sejumlah RM1,023 juta disediakan untuk **perhubungan**. Daripada jumlah ini, RM831 juta adalah untuk perkhidmatan telekomunikasi dan RM192 juta untuk perkhidmatan kaji cuaca.

Sejumlah RM939 juta disediakan untuk **penyelidikan dan pembangunan**. Daripada jumlah ini, RM580 juta untuk projek-projek strategik, RM198 juta membiayai projek-projek sains dan sosial serta perubatan, RM113 juta untuk penjanaaan aktiviti-aktiviti perindustrian dan mineral dan RM48 juta untuk penjanaaan aktiviti-aktiviti pertanian.

Sebanyak RM735 juta disediakan untuk **tenaga**. Daripada jumlah ini, RM419 juta bagi bekalan letrik dan RM316 juta untuk lain-lain. Sejumlah RM96 juta disediakan untuk **kajian kemungkinan** dan baki peruntukan sektor ekonomi sebanyak RM58 juta disediakan bagi **pembangunan sumber-sumber galian**.

ii. **Sektor Sosial**

Sebanyak RM29,902 juta atau 34.0% daripada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2025 disediakan untuk **Sektor Sosial**. Daripada jumlah ini, sebanyak RM15,024 juta adalah bagi **pelajaran dan latihan**, khususnya untuk menyediakan kemudahan pendidikan dan latihan yang dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan, Kementerian Sumber Manusia dan agensi-agensi lain.

Sebanyak RM6,853 juta disediakan bagi **perkhidmatan kesihatan dan kependudukan** untuk membiayai projek-projek pembinaan dan naik taraf hospital, pusat kesihatan serta klinik desa. Sebanyak RM2,654 juta disediakan untuk **majlis-majlis tempatan, perkhidmatan kebajikan dan masyarakat**, RM2,318 juta untuk membiayai **projek-projek perumahan**, RM1,791 juta disediakan untuk **pembangunan kampung dan masyarakat**, RM510 juta untuk **kebajikan masyarakat, perpaduan negara dan Orang Asli**, RM393 juta untuk **kebudayaan, belia dan sukan**, RM335 juta untuk **penerangan dan penyiaran** dan RM24 juta untuk **pembelian tanah**.

iii. **Sektor Keselamatan**

Sebanyak RM12,334 juta atau 14.0% daripada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2025 disediakan bagi **Sektor Keselamatan**. Jumlah ini adalah untuk membiayai projek-projek **pertahanan** sebanyak RM8,218 juta dan **keselamatan dalam negeri** sebanyak RM4,116 juta.

iv. **Sektor Pentadbiran**

Sektor Pentadbiran disediakan sebanyak RM3,788 juta atau 4.3% daripada Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2025. Sebanyak RM2,966 juta adalah bagi **perkhidmatan-perkhidmatan am** manakala baki sebanyak RM822 juta adalah bagi **pembaikan dan pengubahsuaian**. Peruntukan ini adalah untuk pembinaan, pengubahsuaian dan pembaikan bangunan pejabat Kerajaan, perolehan sistem dan peralatan komputer serta kemudahan-kemudahan pentadbiran yang lain.

8. Butir-butir terperinci mengenai cadangan peruntukan mengikut butiran bagi setiap Maksud Perbelanjaan Pembangunan adalah seperti dalam buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2025 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 2024.

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA,
PUTRAJAYA.

18 Oktober 2024

LAMPIRAN A

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2025 SEPERTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2025**

MAKSUD	TAJUK	JUMLAH (RM)
T.1	Peruntukan Diraja Bagi S.P.B. Yang di-Pertuan Agong	13,533,000
T.2	Elaun-elaun Diraja	1,337,000
T.3	Ketua Hakim Negara, Hakim Besar dan Hakim	120,000,000
T.4	Ketua Audit Negara	900,400
T.5	Yang di-Pertua Dewan Rakyat	564,000
T.6	Yang di-Pertua Dewan Negara	504,000
T.7	Suruhanjaya Pilihan Raya	2,583,200
T.8	Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan	11,600
T.9	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	6,291,600
T.10	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	5,795,400
T.11	Suruhanjaya Pasukan Polis	2,726,400
T.12	Perbendaharaan	8,107,577,600
T.13	Perbelanjaan Kerana Hutang Negara	54,700,000,500
T.14	Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran	39,084,161,000
JUMLAH PERBELANJAAN TANGGUNGAN		102,045,985,700
JABATAN PERDANA MENTERI		
B.1	Parlimen Malaysia	180,084,500
B.2	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	5,246,000
B.3	Jabatan Audit Negara	183,735,200
B.4	Suruhanjaya Pilihan Raya	165,467,800
B.5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	47,755,000
B.6	Jabatan Perdana Menteri	5,265,758,200
B.7	Jabatan Perkhidmatan Awam	523,726,900
B.8	Jabatan Peguam Negara	267,974,200
B.9	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	343,451,100
B.40	Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	23,675,900
KEMENTERIAN KEWANGAN		
B.10	Perbendaharaan	4,515,007,800
B.11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	49,867,423,700
B.12	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	1,899,500,600

LAMPIRAN A

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2025 SEPERTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2025**

MAKSUD	TAJUK	JUMLAH (RM)
	KEMENTERIAN LUAR NEGERI	
B.13	Kementerian Luar Negeri	1,559,050,100
	KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA	
B.14	Kementerian Perpaduan Negara	587,351,800
	KEMENTERIAN EKONOMI	
B.15	Kementerian Ekonomi	600,847,800
	KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI	
B.20	Kementerian Perlindungan dan Komoditi	446,019,400
	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN	
B.21	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	4,648,958,100
	KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH	
B.22	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	4,465,472,200
	KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM	
B.23	Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam	1,407,183,200
	KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI	
B.24	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri	947,901,400
	KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP	
B.25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup	2,004,131,000
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI	
B.26	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	263,191,800

LAMPIRAN A

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN MENGRUS TAHUN 2025 SEPERTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2025**

<i>MAKSUD</i>	<i>TAJUK</i>	<i>JUMLAH (RM)</i>
	KEMENTERIAN KERJA RAYA	
B.27	Kementerian Kerja Raya	1,022,337,500
	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN	
B.28	Kementerian Pengangkutan	1,702,433,900
	KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI	
B.30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	738,945,500
	KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA	
B.31	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	1,188,449,400
	KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR	
B.33	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	362,674,200
	KEMENTERIAN KESIHATAN	
B.42	Kementerian Kesihatan	38,534,287,200
	KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN	
B.43	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1,971,705,100
	KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN	
B.45	Kementerian Belia dan Sukan	628,109,600
	KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	
B.46	Kementerian Sumber Manusia	1,005,944,400
	KEMENTERIAN KOMUNIKASI	
B.47	Kementerian Komunikasi	1,077,476,700

LAMPIRAN A

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN MENURUS TAHUN 2025 SEPRTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2025**

<i>MAKSUD</i>	<i>TAJUK</i>	<i>JUMLAH (RM)</i>
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT	
B.48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	3,423,506,300
	KEMENTERIAN DIGITAL	
B.50	Kementerian Digital	201,390,400
	KEMENTERIAN PERTAHANAN	
B.60	Kementerian Pertahanan	13,636,669,900
	KEMENTERIAN DALAM NEGERI	
B.62	Kementerian Dalam Negeri	15,527,945,100
	KEMENTERIAN PENDIDIKAN	
B.63	Kementerian Pendidikan	57,866,971,700
	KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI	
B.64	Kementerian Pendidikan Tinggi	13,846,253,700
	JUMLAH PERBELANJAAN BEKALAN	232,954,014,300
	JUMLAH PERBELANJAAN MENURUS	335,000,000,000

LAMPIRAN B

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2025 SEPERTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2025**

		<i>ANGGARAN 2025</i>		
<i>MAKSUD</i>	<i>TAJUK</i>	<i>CARA LANGSUNG</i>	<i>PINJAMAN</i>	<i>JUMLAH</i>
<i>(1)</i>	<i>(2)</i>	<i>(3)</i>	<i>(4)</i>	<i>(5)</i>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
	JABATAN PERDANA MENTERI			
P.6	Jabatan Perdana Menteri	5,781,174,900	0	5,781,174,900
P.7	Jabatan Perkhidmatan Awam	1,142,254,400	0	1,142,254,400
	KEMENTERIAN KEWANGAN			
P.10	Perbendaharaan	7,623,348,800	0	7,623,348,800
	KEMENTERIAN LUAR NEGERI			
P.13	Kementerian Luar Negeri	209,896,500	0	209,896,500
	KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA			
P.14	Kementerian Perpaduan Negara	123,995,000	0	123,995,000
	KEMENTERIAN EKONOMI			
P.15	Kementerian Ekonomi	2,257,380,600	180,067,900	2,437,448,500
	KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI			
P.20	Kementerian Perlindungan dan Komoditi	254,717,700	50,000,000	304,717,700
	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN			
P.21	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	1,758,000,000	14,000,000	1,772,000,000
	KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH			
P.22	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	7,319,824,200	174,559,800	7,494,384,000
	KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM			
P.23	Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam	860,109,900	0	860,109,900
	KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI			
P.24	Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri	1,222,304,500	13,750,000	1,236,054,500

LAMPIRAN B

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2025 SEPERTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2025**

<i>ANGGARAN 2025</i>				
<i>MAKSUD</i>	<i>TAJUK</i>	<i>CARA LANGSUNG</i>	<i>PINJAMAN</i>	<i>JUMLAH</i>
<i>(1)</i>	<i>(2)</i>	<i>(3)</i>	<i>(4)</i>	<i>(5)</i>
		<i>RM</i>	<i>RM</i>	<i>RM</i>
	KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP			
P.25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup	72,772,700	0	72,772,700
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI			
P.26	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	551,944,900	0	551,944,900
	KEMENTERIAN KERJA RAYA			
P.27	Kementerian Kerja Raya	9,327,143,300	0	9,327,143,300
	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN			
P.28	Kementerian Pengangkutan	4,894,040,200	0	4,894,040,200
	KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI			
P.30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	536,620,700	0	536,620,700
	KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA			
P.31	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	228,929,000	1,000,000	229,929,000
	KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR			
P.33	Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	3,612,037,600	979,553,400	4,591,591,000
	KEMENTERIAN KESIHATAN			
P.42	Kementerian Kesihatan	6,738,085,600	0	6,738,085,600
	KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN			
P.43	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	3,962,748,600	0	3,962,748,600

LAMPIRAN B

**PENYATA BAGI JUMLAH YANG DIPERUNTUKKAN
UNTUK PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2025 SEPERTI
YANG TERDAPAT DALAM ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2025**

<i>ANGGARAN 2025</i>				
<i>MAKSUD</i>	<i>TAJUK</i>	<i>CARA LANGSUNG</i>	<i>PINJAMAN</i>	<i>JUMLAH</i>
<i>(1)</i>	<i>(2)</i>	<i>(3) RM</i>	<i>(4) RM</i>	<i>(5) RM</i>
	KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN			
P.45	Kementerian Belia dan Sukan	498,251,100	0	498,251,100
	KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA			
P.46	Kementerian Sumber Manusia	819,525,100	0	819,525,100
	KEMENTERIAN KOMUNIKASI			
P.47	Kementerian Komunikasi	1,476,878,000	0	1,476,878,000
	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT			
P.48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	217,758,100	0	217,758,100
	KEMENTERIAN DIGITAL			
P.50	Kementerian Digital	1,105,945,500	0	1,105,945,500
	KEMENTERIAN PERTAHANAN			
P.60	Kementerian Pertahanan	7,492,032,400	0	7,492,032,400
	KEMENTERIAN DALAM NEGERI			
P.62	Kementerian Dalam Negeri	3,925,438,800	0	3,925,438,800
	KEMENTERIAN PENDIDIKAN			
P.63	Kementerian Pendidikan	6,323,077,700	0	6,323,077,700
	KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI			
P.64	Kementerian Pendidikan Tinggi	4,250,833,100	0	4,250,833,100
	JUMLAH	84,587,068,900	1,412,931,100	86,000,000,000
	SIMPANAN LUAR JANGKA			
P.70	Simpanan Luar Jangka			2,000,000,000
	JUMLAH PERBELANJAAN PEMBANGUNAN			88,000,000,000

LAMPIRAN C

ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2025 MENGIKUT SEKTOR

Sektor	Anggaran Mengurus (RM juta)	Anggaran Pembangunan (RM juta)	Jumlah Anggaran (RM juta)	Peratus Daripada Jumlah (%)
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
I. EKONOMI	<u>22,247</u>	<u>39,976</u>	<u>62,223</u>	<u>15</u>
a. Pertanian	4,699	3,062	7,761	2
b. Pembangunan Sumber-sumber Galian	88	58	146	0
c. Perdagangan dan Perindustrian	5,623	3,131	8,754	2
d. Pengangkutan	7,069	17,560	24,629	6
e. Perhubungan	89	1,023	1,112	0
f. Tenaga dan Kemudahan Awam	220	2,309	2,529	1
g. Kajian Kemungkinan	0	96	96	0
h. Penyelidikan dan Pembangunan	1,345	939	2,284	0
i. Kewangan	2,948	7,861	10,809	3
j. Alam Sekitar	154	3,202	3,356	1
k. Tenaga	12	735	747	0
II. SOSIAL	<u>133,119</u>	<u>29,902</u>	<u>163,021</u>	<u>38</u>
a. Pelajaran dan Latihan	70,961	15,024	85,985	20
b. Kesihatan dan Kependudukan	38,875	6,853	45,728	11
c. Penerangan dan Penyiaran	1,172	335	1,507	0
d. Perumahan	1,500	2,318	3,818	1
e. Kebudayaan, Belia dan Sukan	1,049	393	1,442	0
f. Majlis-majlis Tempatan Perkhidmatan Kebajikan dan Masyarakat	3,737	2,654	6,391	2
g. Pembangunan Kampung dan Masyarakat	1,987	1,791	3,778	1
h. Pembelian Tanah	4	24	28	0
i. Kebajikan Masyarakat, Perpaduan Negara dan Orang Asli	13,834	510	14,344	3

LAMPIRAN C

ANGGARAN PERBELANJAAN PERSEKUTUAN 2025 MENGIKUT SEKTOR

	<u>Sektor</u>	<u>Anggaran Mengurus (RM juta)</u>	<u>Anggaran Pembangunan (RM juta)</u>	<u>Jumlah Anggaran (RM juta)</u>	<u>Peratus Daripada Jumlah (%)</u>
	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
III.	KESELAMATAN	<u>30,258</u>	<u>12,334</u>	<u>42,592</u>	<u>10</u>
	a. Pertahanan	13,637	8,218	21,855	5
	b. Keselamatan Dalam Negeri	16,621	4,116	20,737	5
IV.	PENTADBIRAN	<u>19,286</u>	<u>3,788</u>	<u>23,074</u>	<u>5</u>
	a. Perkhidmatan-perkhidmatan Am	17,418	2,966	20,384	5
	b. Pembaikan dan Pengubahsuaian	215	822	1,037	0
	c. Bayaran Balik dan Bayaran Ganti	767	0	767	0
	d. Perkhidmatan Luar Negeri	886	0	886	0
V.	TANGGUNGAN TERTENTU	<u>92,415</u>	<u>0</u>	<u>92,415</u>	<u>22</u>
	a. Pencen dan Ganjaran	37,437	0	37,437	9
	b. Perbelanjaan Kerana Hutang Negara	54,700	0	54,700	13
	c. Tanggungan-tanggungan Lain	278	0	278	0
VI.	BAYARAN PINDAHAN	<u>37,675</u>	<u>0</u>	<u>37,675</u>	<u>9</u>
	a. Pemberian dan Pinjaman Kepada Negeri	3,702	0	3,702	1
	b. Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	784	0	784	0
	c. Caruman Lain	186	0	186	0
	d. Bayaran Pindahan Lain	33,003	0	33,003	8
VII.	SIMPANAN LUAR JANGKA	<u>0</u>	<u>2,000</u>	<u>2,000</u>	<u>1</u>
	JUMLAH	<u>335,000</u>	<u>88,000</u>	<u>423,000</u>	<u>100</u>

***CATATAN :** Klasifikasi mengikut sektor dalam jadual di atas adalah menurut klasifikasi yang lazim dipakai bagi perbelanjaan Kerajaan dan terdiri daripada pelbagai Maksud Perbelanjaan yang boleh menyebabkan jumlah peruntukan yang ditunjukkan mungkin berbeza dengan jumlah peruntukan yang ditunjukkan di bawah Maksud-Maksud Perbelanjaan bagi Kementerian/Jabatan yang terdapat dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan.*

COMMAND PAPER 15 OF 2024



MALAYSIA

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT/NEGARA MENURUT

PERINTAH

MINISTRY OF FINANCE STATEMENT OF THE FEDERAL EXPENDITURE ESTIMATES 2025

INTRODUCTION

This statement is presented as Command Paper 15 of 2024 together with the Federal Expenditure Estimates 2025 that is tabled as Command Paper 16 of 2024. It provides a summary of the total Estimates of the Operating (Supply-B and Charged-T) and Development (P) Expenditures for the year 2025, which are shown under the same Purposes of Expenditure (B/P) for line Ministries and Departments.

TOTAL FEDERAL EXPENDITURE ESTIMATES 2025

2. The Federal Expenditure Estimates proposed for the year 2025 is **RM423.0 billion**, of which a proposed sum of **RM335.0 billion** or 79.2% is allocated as **Operating Expenditure** whereas **RM88.0 billion** or 20.8% (including a provision of RM2.0 billion for the Contingencies Reserve) is allocated as **Development Expenditure**. The breakdown of the proposed estimates by purposes of expenditures are shown in **APPENDIX A** for Operating Expenditure, **APPENDIX B** for Development Expenditure and **APPENDIX C** by major expenditure sectors.

OPERATING EXPENDITURE ESTIMATES

